

Pendapat ahli tentukan bila sesuai umum calon

Oleh AZNAN BAKAR

KUALA LUMPUR 14 Feb.
UM 15 FEB 2003

KUALA LUMPUR 14 Feb. — Rumusan mengenai kewajaran mengumumkan calon pilihan raya lebih awal di Kelantan dan Terengganu hanya akan dibuat selepas mengambil kira pandangan daripada ahli UMNO semua peringkat di kedua-dua negeri itu.

Naib Presiden UMNO, Tan Sri Muhammad Muhd. Taib yang diberikan tugas untuk menjalankan kajian itu berkata, beliau dan pasukannya dari Ibu Pejabat UMNO akan mengadakan pertemuan dengan pemimpin dan ahli UMNO di kedua-dua negeri itu secepat mungkin bagi mendapatkan pandangan dan maklum balas.

Kata beliau, maklum balas itu penting supaya apabila rumusan itu dibuat dan diserahkan kepada Majlis Tertinggi (MT), ia akan mewakili pandangan dan pendapat setiap peringkat ahli UMNO.

“Saya baru dimaklumkan

mengenai tanggungjawab ini semalam. Jadi sekarang saya perlu mendapatkan maklum balas daripada pemimpin dan ahli UMNO di kedua-dua negeri ini,” katanya kepada *Utusan Malaysia* ketika dihubungi di sini hari ini.

Semalam, Setiausaha Agung UMNO, Tan Sri Khalil Yaakob berkata, Muhammad telah ditugaskan oleh Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad untuk mengkaji kewajaran cadangan mengumumkan calon pilihan raya lebih awal di Kelantan dan Terengganu.

Katanya, Naib Presiden UMNO itu akan membuat kunjungan ke negeri tersebut dan kemudiannya menyerahkan hasil kajian kepada MT.

Sebelum ini, Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed telah meminta supaya nama calon pilihan raya umum di negeri itu ditentukan lebih awal.

Mustapa berkata, permintaan tersebut dibuat kerana merasakan ia akan memudahkan kerja-kerja calon untuk merancang dan berkempen sejak awal lagi.

Ketika diminta mengulas lanjut, Muhammad memberitahu, beliau juga akan mengada-

kan pertemuan dengan Mustapa dan Pengerusi Perhubungan UMNO Terengganu, Datuk Idris Jusoh untuk mendapatkan pandangan mereka.

“Saya juga akan mendapatkan maklum balas daripada pemimpin di peringkat bahagian dan cawangan yang mewakili akar umbi,” katanya.

Pada masa yang sama, kata beliau, sebarang cadangan atau pandangan daripada mana-mana ahli parti mengenai perkara tersebut juga amat dialu-alukan.

“Mana-mana pihak yang ada pandangan mengenai perkara ini dialu-alukan untuk dikemukakan kepada saya,” kata beliau.

Berdasarkan maklum balas itu, jelas beliau, satu rumusan akan dibuat untuk diserahkan kepada MT.

Melalui kerjasama semua pihak, beliau berharap rumusan itu dapat dibuat secepat mungkin.